

02 NOV 2000

Abdullah-Tegur

TEGURLAH KERAJAAN JIKA ADA YANG PERLU DITEGUR, KATA PAK LAH

KUANTAN, 2 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata rakyat boleh menegur kerajaan sekiranya teguran itu dapat membawa kebaikan kepada semua.

Katanya, teguran itu perlu dilakukan secara baik dan mengikut adat resam di negara ini tanpa bersikap kasar, sombong atau bersifat mengumpat.

"Kerajaan Barisan Nasional (BN) bukanlah kerajaan yang tidak suka ditegur. Kita mahu ditegur supaya kita dapat tahu apa yang berlaku di bawah," katanya pada majlis perjumpaan bersama nelayan dan peserta Program Penempatan Rakyat Termiskin di Teluk Baru, di sini.

Katanya, ada hikmah yang tersembunyi di sebalik teguran kerana ia dapat menyedarkan kerajaan jika berlaku apa-apa kekurangan atau kesilapan yang kemudiannya dapat diperbetulkan.

"Tegurlah secara baik mengikut adat resam kita kerana kalau teguran itu dibuat secara tidak baik, boleh jadi teguran itu tidak akan membawa kesan yang baik. Boleh jadi yang ditegur akan berasa marah manakala yang menegur juga turut berasa marah kerana masalah tidak selesai," katanya lagi.

Malahan, katanya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri pun sedia diberikan peringatan dan menerima teguran tetapi menerusi cara yang betul iaitu tidak memaki-hamun.

Beliau percaya teguran yang dibuat pada masa bermusyawarah dengan wakil rakyat, pegawai kerajaan dan wakil penduduk atau persatuan setempat akan membawa kebaikan kepada semua.

Abdullah turut meminta anggota Exco Kerajaan Pahang supaya memantau projek pembangunan yang peruntukan baginya sudah diluluskan agar dapat dilaksanakan dengan cepat.

Katanya, walaupun pelaksanaan sesuatu projek membabitkan kerajaan persekutuan, tiada salahnya jika kerajaan Pahang turut memberikan perhatian secara membuat pemantauan supaya peruntukan yang disediakan itu dapat dibelanjakan untuk kepentingan rakyat.

Beliau berkata apabila peruntukan untuk pelaksanaan projek sudah disediakan, ia perlu dibelanjakan secepat mungkin kerana rakyat yang mengharapkan projek pembangunan itu ingin melihat ia menjadi kenyataan.

Mengenai program pembasmian kemiskinan, Abdullah berkata Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan sejak 1970 berjaya mengurangkan kadar kemiskinan daripada 43.2 peratus kepada 10.3 peratus pada tahun 1990.

Peratusan itu terus menurun sehingga kepada kira-kira lima orang termiskin di kalangan 100 orang pada masa ini dan kerajaan akan terus melaksanakan program khusus bagi membantu mereka, katanya.

Beliau bagaimanapun menegur kalangan nelayan yang mempunyai bot besar kerana lebih suka menggunakan khidmat pekerja asing daripada rakyat tempatan.

Katanya, ini menyebabkan nelayan tempatan gagal mendaratkan ikan di kompleks perikanan yang disediakan oleh LKIM selain memberi peluang pekerjaan yang sepatutnya diisi oleh anak-anak tempatan kepada orang asing.

"Saya harap perkara ini dihentikan dan golongan nelayan itu memberi segala galakan untuk mengambil anak-anak kita sendiri bekerja di bot-bot nelayan agar rezeki itu tidak pergi kepada orang lain," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

ROS NMO